



UPM Kampus Bintulu Juara Festival Zapin 2010




Kolej Sri Rajang UPM Kampus Bintulu (UPMKB) juara pertandingan festival zapin 2010.

SERDANG, 29 Mac – Kolej Sri Rajang dari Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) menjuarai pertandingan Festival Zapin Interkolej 2010 (ZAFEST 2010) yang telah diadakan di Panggung Percubaan UPM.

Kumpulan Country d Wangsa Putra yang dianggotai seramai 12 orang penari serta seorang koreografer tersebut berjaya menewaskan 13 kolej kediamaan UPM yang lain.

Ketua kumpulan Kolej Sri Rajang, Mohd Khairulzaman Bol Hasan berkata kejayaan mereka tidak dijangka kerana tempoh latihan tarian zapin yang dibuat cuma mengambil masa selama seminggu.



Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UPM, Prof. Dr. Azali Mohamed (dua dari kanan) menyampaikan hadiah kepada wakil juara dari Kolej Sri Rajang Kampus Bintulu UPM.

"Tempoh latihan kami singkat kerana penyertaan dari UPMKB dibenarkan pada saat akhir disebabkan pertandingan hanya terbuka kepada kampus di Serdang sahaja.


"Minat kami untuk menyertai ZAFEST menyebabkan semua ahli kumpulan sanggup mengeluarkan perbelanjaan sendiri bagi menangung tiket kapal terbang dari Bintulu ke Serdang," katanya yang merupakan pelajar tahun kedua jurusan Diploma Perhutanan UPM Kampus Bintulu.

Naib johan dimenangi oleh kumpulan Seta Walinongsari dari Kolej Sepuluh dan Kolej Sebelas manakala tempat ketiga pula dimenangi oleh kumpulan Sanggar Krismachindie dari Kolej Kedua.

Koreografer terbaik disandang oleh Sidi Amer Zakaria dari kumpulan tarian gabungan Kolej 10 dan Kolej 11.

Program bertujuan menyemarakkan seni tarian zapin dalam kalangan pelajar serta mencungkil bakat baru pelajar dalam bidang seni tari, muzik dan teknikal untuk melahirkan pelajar yang berfikiran kritis dan keratif.

Program anjuran Unit Seni Budaya dan Kreatif, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM dengan kerjasama Seni Tari Adimastuli UPM itu turut menjemput pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Empat Bandar Baru Bangi selaku jemputan khas.



Antara tarian zapin yang dipersembahkan pada malam tersebut.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.
(Mohd Faisal Md Noor 03-89466013).